

KHUTBAH JUMAAT

“KEIMANAN KEPADA HARI KIAMAT”

(3 Oktober 2025M/ 11 Rabiulakhir 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا
بِالِتَّقْوَىٰ وَالْحُلْقِ الْكَرِيمِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَلِهٖ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، إِتَّقُوا اللَّهَ، أُووصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهُ، فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama memperkuuhkan iman dan takwa kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Tunaikanlah segala perintah-Nya dan tinggalkanlah segala larangan-Nya. Sesungguhnya, iman dan takwa itulah jalan memperoleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia ini dan di akhirat nanti.

Tumpukanlah sepenuh perhatian dan janganlah sibuk dengan apa-apa juu perkara *lagha* yang boleh mengalihkan tumpuan kita daripada khutbah ini. Semoga kita semua sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan Allah *subhanahu wata'ala*. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk “**Keimanan Kepada Hari Kiamat**”.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Masa bergerak begitu pantas, berlalu tanpa menoleh ke belakang.

Dunia kini dipenuhi dengan kemajuan yang melalaikan, hiburan yang memukau dan maklumat yang menyambar hanya dengan satu sentuhan jari. Namun, di sebalik kesibukan dan hiruk-pikuk ini, ramai manusia hanyut, leka dan terpedaya dengan bayangan keseronokan yang fana, hingga mereka alpa terhadap hakikat yang pasti iaitu suatu hari kelak, **ajal akan datang menjemput tanpa sebarang amaran**. Begitulah Allah *subhanahu wata'ala* sebenarnya telah mengingatkan kepada kita tentang betapa hampirnya kita dengan hari kiamat sebagaimana dinyatakan dalam Surah al-Qamar, ayat 1:

أَقْرَبَتِ السَّاعَةُ وَإِنْشَقَ الْقَمَرُ (١)

Maksudnya: *Telah dekat datangnya saat itu (kiamat), dan telah terbelah bulan.*

Ketika mentafsirkan ayat ini, Imam Ibnu Jarir al-Tabari *rahimahullah* menjelaskan bahawa Allah *subhanahu wata'ala* mengingatkan hamba-Nya tentang kedatangan hari Kiamat dan hampir berakhirnya segala urusan dunia, dan perintah untuk mereka bersiap sedia dengan bekalan yang mencukupi bagi menghadapi kedahsyatan Kiamat sebelum ketibaannya sedangkan mereka berada dalam keadaan alpa daripadanya. Imam al-Bukhari *rahimahullah* meriwayatkan daripada Sahl bin Sa'd *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((بِعِثْتُ أَنَا وَالسَّاعَةُ كَهَاتَيْنِ، وَيُشَيِّرُ بِإِصْبَعِيهِ فَيَمْدُدُهُمَا))

Maksudnya: Jarak diutusnya aku dan hari Kiamat seperti dua (jari) ini. Baginda memberikan isyarat dengan kedua jarinya (jari telunjuk dan jari tengah), lalu merenggangkannya.

Peristiwa terbelahnya bulan yang telah berlaku pada zaman Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* adalah bukti mukjizat agung yang mengesahkan kebenaran risalah Baginda *sallallahu alaihi wasallam*. Peristiwa itu bukan sekadar mukjizat untuk menundukkan orang kafir Mekah, bahkan ia juga menjadi **isyarat yang sangat jelas bahawa hari kiamat kian mendekat**.

Kaum Muslimin yang dikasihi,

Kehidupan ini hanya benar-benar difahami maknanya apabila kita benar-benar yakin adanya hari kiamat. Selagi kita menyangka hidup ini panjang dan tiada kesudahan, kita akan terus leka. Tetapi apabila kita sedar bahawa kehidupan dunia ini pasti berakhir, barulah kita mengerti apa yang wajib dikehjarian dan apa yang mesti ditinggalkan.

Ketahuilah bahawa **kiamat bukan sekadar kematian, bahkan ia adalah permulaan kehidupan yang sebenar**. Hari di mana bumi hancur berkecaci, langit digulung, gunung-ganang berterbangan seperti kapas, lautan mendidih kepanasan, bintang-bintang berguguran, dan setiap manusia akan dibangkitkan lalu dihisab satu persatu tanpa pengecualian.

Inilah gambaran yang membuatkan para sahabat Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* begitu takut dan insaf apabila mendengar ayat-ayat al-Quran serta sabda Baginda *sallallahu alaihi wasallam*

tentang kedahsyatan kiamat. Hati mereka gementar, air mata mereka mengalir deras, bahkan ada yang jatuh pengsan kerana takutkan azab Allah *subhanahu wata'ala*. Begitu juga para ulama, seperti Abdullah bin Mubarak *rahimahullah* yang menangis teresak-esak di waktu malam kerana kegelapan itu mengingatkannya pada suasana hari kebangkitan yang penuh huru-hara.

Maka, persediaan menuju hari itu bukanlah mainan. Ia menuntut kita bersungguh-sungguh menjaga solat, menyempurnakan ibadah, mendidik anak-anak mencintai akhirat lebih daripada hiburan, menunaikan tanggungjawab memberi kefahaman agama kepada keluarga, serta menjaga diri daripada apa sahaja yang Allah *subhanahu wata'ala* haramkan. Itulah bekal sebenar yang akan menyelamatkan kita pada hari yang amat dahsyat itu.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Dunia ini hanyalah **singgahan sementara**, ibarat kapal yang berlabuh sebentar sebelum meneruskan pelayaran jauh. Namun, ramai manusia tertipu dengan hiasannya, sibuk mengejar kemewahan dan keseronokan, lalu kembali kepada Allah dalam keadaan tanpa bekal. Allah *subhanahu wata'ala* telah mengingatkan dalam Surah al-Hasyr, ayat 18:

يَآيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَتَقْوُا اللَّهَ وَلَتَنْظُرْ نَفْسٌ مَا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَأَتَقْوُا اللَّهَ حَسْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ (١٨)

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah, dan hendaklah setiap diri melihat apa yang telah ia sediakan untuk hari esok (hari akhirat).*

Ayat tadi seakan-akan menyeru kita: “**Perhatikanlah bekalmu, adakah ia cukup untuk menghadapi hari kebangkitan?**”

Sehebat mana pun nikmat dunia, semuanya akan lenyap. Yang kekal hanyalah amal yang dibawa menghadap Allah *subhanahu wata'ala*. Maka siapkanlah bekalan dengan **akidah yang murni**, bersih daripada syirik, penuh keyakinan kepada keesaan Allah *subhanahu wata'ala*. Iringilah akidah itu dengan **ibadah yang ikhlas**, terutama solat lima waktu.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Basuhlah dosa-dosa lalu dengan **taubat yang benar**, lahir daripada penyesalan yang mendalam dan tekad untuk tidak mengulanginya. Hidupkan hati dengan **zikir, bacaan al-Quran dan doa**, agar Allah menutup hayat kita dengan husnul khatimah.

Jangan lupa menjaga hubungan sesama manusia dengan **akhlik mulia**, saling memaafkan dan menjauhi perpecahan. Dan perbanyakkanlah **amal jariah** seperti sedekah, wakaf, ilmu yang bermanfaat, serta doa anak-anak yang soleh kerana itulah bekal yang terus mengalir meskipun jasad sudah berada di liang lahad.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita menangisi kelemahan diri. Sudahkah kita benar-benar bersedia menghadapi hari yang paling dahsyat itu? Hari ketika ibu

melupakan anak, sahabat tidak lagi mengenal sahabat, setiap manusia hanya memikirkan nasib dirinya di hadapan Allah Rabbul Jalil.

Lihatlah ke dalam hati, adakah kita membawa cukup bekal taubat, amal soleh dan iman yang tulus? Atau kita masih lalai mengejar dunia yang akan ditinggalkan? Jangan sampai saat kematian menjemput, barulah kita menyesal kerana pulang dalam keadaan tangan kosong.

Namun wahai hamba Allah *subhanahu wata'ala*, **jangan berputus asa**. Pintu taubat masih terbuka, rahmat Allah *subhanahu wata'ala* jauh lebih luas daripada dosa-dosa kita. Hari ini masih ada kesempatan untuk kembali, memperbanyakkan istighfar, mendekatkan diri dengan al-Quran, menghadiri majlis ilmu, dan menjadikan setiap hela nafas sebagai ladang pahala untuk dituai di akhirat.

Hidup ini singkat, tetapi peluang untuk meraih syurga masih ada. Bangkitlah dengan semangat, penuhi hari-hari kita dengan amal soleh, didik keluarga dengan agama, sebarkan kebaikan, dan jauhkan diri daripada maksiat. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengurniakan kita husnul khatimah, meringankan langkah kita di padang mahsyar, dan menghimpunkan kita bersama Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* di dalam syurga-Nya yang penuh kenikmatan.

Sebagai rumusan khutbah ini, renungilah tiga perkara:

Pertama : Hari kiamat semakin hampir, setiap detik membawa kita lebih dekat kepada pengakhiran dunia.

Kedua : Nilai hidup hanya dengan persiapan akhirat, kerana hanya iman, taubat, dan amal soleh yang menyelamatkan kita di hadapan Allah.

Ketiga : Dunia hanyalah persinggahan, maka rebutlah peluang menyiapkan bekal sebelum bermula perjalanan abadi menuju akhirat.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-A'raf, ayat 187:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .

The Heights (7:187)

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْسَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَنَهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ رَبِّهِ لَا
يُجَلِّيهَا لِوَقْتِهَا إِلَّا هُوَ ثَقُولٌ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا تَأْتِيكُمْ إِلَّا
بَغْتَةً يَسْأَلُونَكَ كَانَكَ حَفِيْظٌ عَنْهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ
النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ (١٨٧)

Maksudnya: Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang hari kiamat: "Bilakah masa datangnya?" Katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan mengenainya hanyalah ada di sisi Tuhanmu, tidak ada sesiapa pun yang dapat menerangkan

kedatangannya pada waktunya melainkan Dia. (Huru-hara) hari kiamat itu amatlah berat (menggerunkan makhluk-makhluk yang ada) di langit dan di bumi; ia tidak datang kepada kamu melainkan secara mengejut". Mereka bertanya kepadamu seolah-olah engkau sedia mengetahuinya. Katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan mengenai hari kiamat itu adalah di sisi Allah, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِيْ هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ رَبِّنَا. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkuuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Inilah asas kestabilan, kemakmuran dan keharmonian Sarawak dan negara kita, Malaysia. Pastikan juga rezeki yang kita peroleh adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik.

(*Hadis riwayat Imam Muslim*)

Kaum Muslimin yang dikasihi,

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang merosakkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ وَآتَاهَا الْذِينَ ءَامَنُوا صَلْوَاتٍ عَلَيْهِ
وَسَلِيمًا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلَّفِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّفِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى أُلَّفِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّفِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan. Angkatlah segala penderitaan, kesedihan, peperangan dan permusuhan daripada mereka dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Ḥakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Ḥafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali wal Ikram,kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَدْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.